

Sokong PM bukan membuta tuli - Najib

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL
dan SAIFUL HAIZAN HASAM

SEREMBAN 12 Ogos - Sokongan terhadap Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan dibuat secara membuta tuli, tetapi kerana yakin dengan kepimpinan beliau untuk negara dan parti, kata timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sebaliknya, katanya, sokongan secara membuta tuli adalah jenis sokongan yang tidak akan berkekalan.

"Di sini saya hendak betulkan, kita menyokong Perdana Menteri bukan kerana sokongan yang membuta tuli.

Maknanya, kita sokong beliau (Abdullah) bukan sebab diminta untuk menyokong. Saya fikir sokongan sebegitu bukan sokongan yang berkekalan

"Ma'knanya, kita sokong beliau (Abdullah) bukan sebab diminta untuk menyokong. Saya fikir sokongan sebegitu bukan sokongan yang berkekalan.

"Sokongan kepada Perdana Menteri itu dibuat kerana yakin dengan kepimpinan beliau yang dibuktikan dengan perancangan rapi yang dilakukan untuk negara dan parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Ba-

hagian Rembau di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, di sini hari ini.

Najib ditanya pandangannya mengenai perpaduan dalam UMNO di sebalik kritikan pedas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Muhammad terhadap kepimpinan kerajaan.

Menurut beliau, perpaduan dalam UMNO masih kukuh dan jika dilihat dari sejarah parti itu, perpecahan yang serius hanya berlaku di peringkat atas.

"Saya, lihat kemungkinan UMNO itu berpecah adalah tipis.

"Saya melihat keadaan pemimpin di peringkat Pusat. di kalangan MT, negeri, Pengerusi Badan Perhubungan negeri dan ahli, secara menyeluruh rata-rata memberi kepercayaan dan sokongan penuh kepada Perdana Menteri dan Presiden UMNO," katanya.

Tegas beliau, ia jelas menunjukkan UMNO dapat dikawal daripada berlaku perpecahan yang serius meskipun kemungkinan ada individu yang tidak berpuas hati.

Kata Najib: "Itu adaltah dalam mana-mana parti. Apa yang penting, UMNO masih kekal dalam satu identiti yang kukuh."